

**Sambutan Rakyat Sabah Ketika Lawatan Najib Bukti Sokongan Kepada BN -
Musa Aman
Bernama
06 Julai, 2011**

KOTA KINABALU, 6 Julai (Bernama) -- Sambutan menggalakkan rakyat Sabah ketika lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak minggu lepas adalah bukti sokongan mereka masih bersama Barisan Nasional (BN).

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata sambutan itu juga menunjukkan sokongan padu terhadap kepimpinan Perdana Menteri dan program yang diperkenalkan beliau.

"Saya berasa bersyukur dan gembira kerana semua program yang kita rancang sepanjang lawatan kerja Perdana Menteri ke Sabah berjalan lancar dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan di semua tempat yang beliau lawati," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kabinet negeri, di sini pada Rabu.

Musa berkata keadaan itu memberi kekuatan kepada BN negeri untuk bersiap sedia menghadapi pilihan raya umum ke-13 kelak.

Mengulas isu berlainan, beliau meminta semua pihak yang ingin berhimpun pada 9 Julai ini agar mendapatkan permit polis bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan.

"Kita mahu pastikan mereka (penganjur perhimpunan) mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan.

"Hakikatnya, banyak pihak di Sabah telah membantah. Malah, banyak juga laporan polis telah dibuat. Ini membuktikan kita membantah perhimpunan haram yang kita rasa boleh menggugat kestabilan negara, perpaduan rakyat dan sudah tentu menjejaskan ekonomi kita," katanya.

-- BERNAMA